

**RANGKAIAN NEURAL UNTUK  
PERAMALAN GRED MATEMATIK TAMBAHAN**

**Kertas projek ini diserahkan kepada Sekolah Siswazah  
untuk memenuhi sebahagian keperluan ijazah  
Sarjana Sains (Teknologi Maklumat),  
Universiti Utara Malaysia**

**oleh  
Suhaimi Bin Abdul Majid**

**© Suhaimi Bin Abdul Majid, 2000. Hak Cipta Terpelihara**

---

---



**Sekolah Siswazah  
(Graduate School)  
Universiti Utara Malaysia**

**PERAKUAN KERJA KERTAS PROJEK  
(Certification of Project Paper)**

Saya, yang bertandatangan, memperakukan bahawa  
(I, the undersigned, certify that)

**SUHAIMI BIN ABDUL MAJID**

calon untuk Ijazah \_\_\_\_\_ Sarjana Sains (Teknologi Maklumat)  
(candidate for the degree of)

telah mengemukakan kertas projek yang bertajuk  
(has presented his/ her project paper of the following title)


**RANGKAIAN NEURAL UNTUK PERAMALAN GRED MATEMATIK TAMBAHAN**

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit kertas projek  
(as it appears on the title page and front cover of project paper)

bahawa kertas projek tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan,  
dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan.  
(that the project paper acceptable in form and content, and that a satisfactory  
knowledge of the field is covered by the project paper).

Nama Penyelia  
(Name of Supervisor) : Prof. Madya Dr. Ku Ruhana Ku Mahamud

Tandatangan  
(Signature)

: 

Tarikh  
(Date)

: 8 Oktober 2000

## **KEBENARAN PENGGUNAAN**

Dalam persembahan kertas projek ini sebagai memenuhi keperluan pengijazahan sarjana daripada Universiti Utara Malaysia, saya bersetuju bahawa Perpustakaan Universiti boleh melakukan sumber rujukan secara bebas. Saya juga turut bersetuju bahawa kebenaran untuk penyalinan semula kertas projek ini di dalam sebarang bentuk, keseluruhan atau sebahagian, bagi kegunaan sarjana boleh diperolehi daripada penyelia saya atau di dalam ketiadaannya, boleh melalui Dekan Sekolah Siswazah. Adalah perlu diambil maklum, bahawa sebarang penyalinan atau penerbitan atau penggunaan mana-mana daripada kertas projek ini atau sebahagiannya bagi kegunaan perniagaan tanpa kebenaran bertulis daripada saya adalah sama sekali tidak dibenarkan. Perlu juga dimaklumkan bahawa sebarang bentuk penghargaan hendaklah diberi kepada saya dan Universiti Utara Malaysia atas sebarang kegunaan persarjana yang mungkin dihasilkan dari bahan kertas projek saya.

Permohonan bagi mendapatkan kebenaran menyalin atau mengguna lain daripada bahan di dalam kertas projek ini, keseluruhan atau sebahagian perlu dialamatkan kepada:

**Dekan Sekolah Siswazah  
Universiti Utara Malaysia  
06010 UUM Sintok  
Kedah Darul Aman**

## ABSTRAK

Pencapaian akademik pelajar di dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) merupakan satu pengukuran terhadap kualiti pendidikan peringkat sekolah di Malaysia. Walau bagaimanapun, sukar mendapatkan satu alat pengukuran yang cekap untuk membantu guru menilai prestasi pelajar mereka sebelum peperiksaan tersebut diduduki. Kajian ini bertujuan membangunkan satu model rangkaian neural rambatan balik untuk meramal gred pencapaian pelajar dalam peperiksaan SPM untuk mata pelajaran Matematik Tambahan. Data-data berkenaan pencapaian calon SPM pada tahun 1998 telah diperolehi daripada 19 buah sekolah di sekitar Alor Setar, Pulau Pinang, Ipoh dan Shah Alam. Data-data tersebut digunakan untuk melatih dan menguji model rangkaian neural. Model tersebut menggunakan topologi rangkaian neural yang mengandungi tujuh nod pada lapisan input, enam nod pada lapisan tersembunyi dan satu nod pada lapisan output. Model yang diperolehi mampu menjangkakan 83.68% ketepatan ramalan ke atas data pengujian berbanding 76.47% apabila menggunakan kaedah regresi. Kajian ini boleh dikembangkan dengan mempertingkatkan teknik pemprosesan data dan struktur rangkaian. Model yang diperolehi juga boleh diintegrasikan dengan pangkalan data dan sistem berasaskan pengetahuan.

## ABSTRACT

The student academic achievement in the Sijil Peajaran Malaysia (SPM) has been the important measurement towards the quality of education in Malaysia's school level. However, it is difficult to find an efficient measurement tool in order to assist teachers in evaluating their students' performance before the SPM examination. The study attempts to develop a backpropagation neural networks model to predict the students' achievement grades in SPM examination for Additional Mathematics subject. The dataset were the year 1998's SPM candidates collected from nineteen schools throughout Alor Setar, Pulau Pinang, Ipoh and Shah Alam. These dataset are used to train and test the neural networks model, The model uses neural networks topology that consists of seven nodes of the input layer, six nodes in the hidden layer and a node in the output layer. The obtained model is able to perform with 83.68% of correct prediction towards the test dataset, compared to 76.47% using the regression technique. Further work can be done on improving the data preprocessing technique and the network structure. The model can also be integrated with the database and knowledge based systems.

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih dan Maha Mengasihani, syukur Alhamdulillah dengan limpah kurniaNya, projek ini telah sempurna dilaksanakan. Terima kasih yang tak terhingga kepada penyelia projek ini, Prof. Madya Dr. Ku Ruhana Ku Mahamud atas kesudian beliau membimbing, mendorong dan memberi kerjasama sepanjang pelaksanaan projek ini.

Terima kasih juga kepada pihak sekolah yang terlibat kerana membenarkan data-data pelajar mereka digunakan untuk tujuan projek ini. Begitu juga buat Kementerian Pendidikan Malaysia kerana sudi menaja pengajian di peringkat sarjana ini. Buat semua pensyarah program MSc (IT), anggota keluarga, rakan-rakan dan orang perseorangan yang tidak dapat disebutkan, terima kasih jua atas segalanya.

Akhir sekali, penghargaan yang teristimewa buat ayahanda dan bonda - sumber kekuatan semangat untuk anakanda terus berjaya. Doa tulus ikhlas ayahanda dan bonda ada keberkatannya.

## ISI KANDUNGAN

	Halaman
<b>KEBENARAN PENGGUNAAN</b>	i
<b>ABSTRAK (BAHASA MELAYU)</b>	ii
<b>ABSTRACT (BAHASA INGGERIS)</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>SENARAI JADUAL</b>	vii
<b>SENARAI RAJAH</b>	viii
<b>BAB 1: PENGENALAN</b>	
1.1 Pernyataan Masalah	4
1.2 Objektif	6
1.3 Kepentingan Kajian	7
<b>BAB 2: RANGKAIAN NEURAL DAN PERMODELAN RANGKAIAN RAMBATAN BALIK</b>	
2.1 Rangkaian Neural Biologi	9
2.2 Rangkaian Neural Buatan	10
2.3 Sejarah Ringkas Rangkaian Neural	12
2.4 Rangkaian Neural Rambat Balik dan Algoritmanya	13
2.4.1 Suap ke Hadapan	14
2.4.2 Perambatan Balik Ralat	15
2.4.3 Pengubahsuaian Pemberat	15
<b>BAB 3: TINJAUAN KARYA</b>	
3.1 Pengukuran	19
3.2 Pencapaian	20
3.3 Tujuan Pengukuran Pencapaian dalam Pendidikan	21
3.4 Perbandingan Kaedah Statistik dengan Rangkaian Neural dalam Pengukuran Pendidikan	22
<b>BAB 4: METODOLOGI</b>	
4.1 Merekabentuk Senibina Rangkaian	27
4.1.1 Pemilihan Topologi Rangkaian	28
4.1.2 Penentuan Pembolehubah untuk Input dan Output	29

4.1.3	Pemilihan Bilangan Lapisan Tersembunyi dan Bilangan Nodnya	31
4.2	Pra Pemrosesan Data	34
4.2.1	Pernormalan dan Perwakilan Data	35
4.2.2	Pembahagian Data	37
4.3	Melatih, Mengesah dan Menguji Rangkaian	39
4.3.1	Melatih Rangkaian	41
4.3.2	Mengesahkan Rangkaian	43
4.3.3	Kriteria Menamatkan Latihan	44
4.3.4	Menguji Rangkaian	44
4.4	Membangunkan Sistem Ramalan	45
4.5	Membandingkan Keputusan dengan Pendekatan Regresi	46
<b>BAB 5:</b>	<b>KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN</b>	
5.1	Keputusan Memilih Model Rangkaian	47
5.2	Keputusan Perbandingan Model Rangkaian Neural dengan Model Pendekatan Regresi	50
5.3	Ringkasan Model Rangkaian Neural yang Terpilih	51
<b>BAB 6:</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	53
	<b>RUJUKAN</b>	56
<b>LAMPIRAN A</b>	Salinan Surat Kebenaran daripada EPRD	58
<b>LAMPIRAN B</b>	Penentuan Pembolehubah dengan Kaedah Regresi (Pemilihan dari Hadapan)	59
<b>LAMPIRAN C</b>	Senarai Sekolah Terlibat dalam Projek	68
<b>LAMPIRAN D</b>	Analisis Julat Markah bagi Setiap Gred	69
<b>LAMPIRAN E</b>	Keputusan Melatih Rangkaian	72
<b>LAMPIRAN F</b>	Keputusan Regresi Berganda	77
<b>LAMPIRAN G</b>	Kod Sumber untuk Melatih dan Menguji Rangkaian	79
<b>LAMPIRAN H</b>	Kod Sumber untuk Sistem Ramalan Gred	87
<b>LAMPIRAN I</b>	Sampel Antara Muka Sistem Ramalan Gred	108

## SENARAI JADUAL

	Halaman	
Jadual 3.1	Tujuan dan Kegunaan-kegunaan Pengukuran Pencapaian dalam Pendidikan	21
Jadual 3.2	Peratus Ketepatan Ramalan antara Kaedah Statistik dengan Rangkaian Neural	26
Jadual 4.1	Pembolehubah yang Diwakili Nod yang Berlabel	33
Jadual 4.2	Analisis Maklumat bagi Data-data yang Dikutip	35
Jadual 4.3	Kaedah Pernormalan dan Perwakilan Data bagi Nilai-nilai dalam Pembolehubah	37
Jadual 5.1	Keputusan Melatih Rangkaian	47
Jadual 5.2	Model Rangkaian Neural yang Terpilih	51

## SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 2.1	Struktur Neuron Manusia	10
Rajah 2.2	Satu Nod Tunggal	11
Rajah 2.3	Struktur Rangkaian <i>BP</i>	14
Rajah 4.1	Struktur Rangkaian Neural untuk Aplikasi Projek	33
Rajah 4.2	Carta Alir untuk Proses Latihan Rangkaian <i>BP</i>	40
Rajah 5.1	Peratusan Ketepatan Ramalan	48

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

Projek ini dicadangkan untuk kursus TZ 6996 dan perlu disempurnakan sebagai salah satu syarat untuk lulus program Sarjana Sains (Teknologi Maklumat). Projek ini bertujuan untuk mencari satu model rangkaian neural, iaitu salah satu teknologi dalam bidang kepintaran buatan bagi meramalkan gred pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Matematik Tambahan untuk peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Setelah model rangkaian neural ini diperolehi, model berkenaan akan diimplimentasikan dalam satu sistem untuk membantu pengguna, khususnya para pendidik mengenalpasti tahap pencapaian pelajar-pelajar mereka dalam mata pelajaran Matematik Tambahan ini.

Kesedaran mendapatkan satu model matematik bagi menilai pencapaian pelajar dalam Matematik Tambahan dianggap perlu memandangkan matematik merupakan satu bidang yang penting dan penggunaannya banyak merentasi bidang-bidang lain. Harapan negara melalui Wawasan 2020 telah menggariskan, antara lain, pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran masyarakat akan berasaskan sains dan teknologi. Banyak pengeluaran negara akan bergantung kepada sumbangan sains dan teknologi melalui penganalisan data-data pasaran serta khidmat sokongan yang berasaskan teknologi maklumat yang pantas dan tepat (Putit Matzen, 1991). Usaha ini memerlukan perancangan yang rapi dan

sejak 1967, Jawatankuasa Pelajaran Tinggi telah membuat ketetapan bahawa aliran pengajian pada peringkat pendidikan tinggi mestilah 60% dalam aliran sains dan 40% dalam aliran sastera. Bagi mencapai matlamat ini, nisbah kedua aliran berkenaan boleh dilaksanakan di peringkat sekolah lagi.

Selain itu, kita juga berhadapan dengan salah satu cabaran Wawasan 2020, iaitu melahirkan masyarakat Malaysia sebagai penyumbang ilmu kepada tamadun sains dan teknologi. Bagi mencapai matlamat berkenaan, sistem pendidikan negara pada peringkat sekolah telah menetapkan bahawa mata pelajaran Sains dan Matematik perlu menjadi mata pelajaran utama atau teras yang wajib diambil oleh semua pelajar (Wan Mohd. Zahid, 1993). Kepentingan mata pelajaran Sains dan Matematik juga jelas dihuraikan di dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah yang menyebut bahawa matlamat pendidikan antaranya ialah menghasilkan individu yang berilmu dan berkemahiran tinggi, dapat mengaplikasikan numerasi, matematik, sains, teknologi dan informasi, mempunyai daya fikir dan daya cipta, celik komputer dan teknikal, berusaha ke arah tinjau siasat, tinjau kaji, bersifat kreatif, inovatif dan invensif (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1998). Pada peringkat pengajian tinggi pula, Matematik selalunya menjadi mata pelajaran yang wajib diambil oleh pelajar-pelajar yang mengikuti bidang sains, kejuruteraan, teknologi, perniagaan dan pengurusan.

Jelas menunjukkan bahawa matematik memainkan peranan penting sama ada dalam sistem pendidikan atau kemajuan negara. Bukan sahaja di Malaysia, subjek ini juga mempunyai kedudukan istimewa bagi kebanyakan sistem pendidikan di negara-negara lain (Mohd. Fuad Razali, 1995). Sekiranya kita tidak mengambil langkah-langkah tertentu bagi meningkatkan pencapaian pelajar dalam bidang matematik, segala harapan negara besar kemungkinan tidak akan menjadi kenyataan. Tambahan pula, alaf baru ini adalah era maklumat kerana pada akhir abad lalu kita menyaksikan perkembangan yang terlalu cepat di dalam bidang teknologi maklumat. Kita harus juga selari dengan aliran semasa ini sekiranya kita tidak mahu ketinggalan.

Pendekatan dalam pendidikan sains dan matematik perlu diperharui dari masa ke semasa supaya boleh disesuaikan dengan perkembangan teknologi maklumat ini (Ibrahim Md. Noh, 1994). Permodelan dengan rangkaian neural adalah antara pendekatan kepintaran buatan yang kini mendapat perhatian yang cukup hebat. Pendekatan rangkaian neural dianggap berjaya kerana pencapaian keputusannya yang lebih baik dan penggunaannya yang meluas dalam berbagai bidang seperti pemprosesan imej, pengecaman corak, kejuruteraan, perubatan, kewangan dan berbagai lagi (Fausett, 1994). Misalannya, kajian dalam bidang pendidikan oleh Hardgrave et. al. (1994) mendapati keputusan dengan model rangkaian neural adalah setanding dengan keputusan yang menggunakan analisis regresi dan diskriminan dalam meramalkan kejayaan pelajar untuk program Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA). Selain itu, pendekatan rangkaian neural ada

kelebihannya kerana teknik ini mampu mengendali masalah data yang tidak lengkap atau hingar dan pola data yang tidak menentu.

Sehingga kini, belum lagi terdapat kajian di Malaysia yang menggunakan pendekatan rangkaian neural bagi menilai pencapaian pelajar sama ada di peringkat sekolah atau peringkat pengajian tinggi. Model yang diperolehi nanti mempunyai kebaikannya apabila ia dapat diimplimenkan dalam satu sistem komputer. Ini menjadi satu harapan bagi projek ini kerana penggunaan model yang sah dalam sesuatu sistem mampu memberikan jangkaan-jangkaan yang tepat untuk setiap keadaan sebenar. Selain itu, sistem komputer mampu memproses maklumat secara terkawal, sistematik dan menjimatkan kos.

### **1.1 Pernyataan Masalah**

Pencapaian pelajar bagi mata pelajaran Matematik dalam ujian dan peperiksaan seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sentiasa menjadi perhatian. Keputusan peperiksaan berkenaan menjadi pengukur kepada penguasaan subjek itu. Pencapaian pelajar bagi mata pelajaran Matematik Tambahan dalam peperiksaan SPM masih tidak memuaskan berbanding dengan mata pelajaran Sains yang lain, iaitu Fizik, Kimia dan Biologi. Misalannya, keputusan kelulusan Matematik Tambahan di dalam SPM 1999 ialah 89.9%; berbanding dengan Fizik (95.3%), Kimia (91.9%) dan Biologi (94.4%). Peratus gred kelulusan bagi mata pelajaran ini pula ialah 23.2% (cemerlang), 38.6% (kepujian) dan 28.1%

(lulus). Lantaran kepentingan mata pelajaran ini, seharusnya penguasaan di dalam Matematik Tambahan perlu mantap sejak peringkat persekolahan lagi.

Kajian kes yang sering dibuat bukanlah satu cara sahaja yang boleh diambil bagi mempertingkatkan pencapaian matematik. Analisaan prestasi pelajar selama mereka belajar di sekolah boleh juga digunakan. Selama ini kaedah-kaedah statistik sering dipraktikkan. Pada peringkat sekolah, kaedah penganalisan data mentah secara diskriptif selalu menjadi amalan. Skor-skor pencapaian pelajar pada lazimnya akan dibandingkan dengan skor min. Pelajar dengan skor yang melebihi skor min dianggap mempunyai pencapaian yang baik dan yang sebaliknya akan dianggap lemah. Pengukuran begini adalah kurang tepat kerana banyak lagi kriteria lain yang perlu dipertimbangkan apabila menggunakan kaedah statistik ini (Hardgrave et.al., 1994).

Sistem pendidikan kini di peringkat peralihan kepada amalan konsep pendidikan sekolah bestari. Konsep pendidikan sekolah bestari akan cuba mengeksplotasi kemampuan teknologi maklumat bagi menjana sistem pendidikan negara. Selain itu, kaedah pengajaran dan pembelajaran akan cuba mengamalkan pendemokrasian pendidikan. Pembelajaran mengikut kadar kemampuan individu akan menjadi amalan dan guru akan lebih berperanan sebagai fasilitator. Justeru itu, guru harus mempunyai kemahiran dalam mengenalpasti kemampuan setiap pelajarnya dari segala aspek termasuk prestasi dan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran yang dibimbingnya.

Alat-alat bantuan pengukuran mungkin boleh mengatasi masalah-masalah berkenaan. Kemajuan teknologi maklumat telah mewujudkan pelbagai sistem dan model bagi memudahkan kerja manusia. Tambahan pula, sistem maklumat kini lebih menjurus kepada sistem maklumat pintar yang mengaplikasikan teknologi kepintaran buatan (*artificial intelligence*) di dalam sistem berkenaan. Bidang pendidikan boleh juga disesuaikan dengan teknologi kepintaran buatan.

## **1.2 Objektif**

Objektif projek ini secara umumnya akan mengaplikasikan rangkaian neural bagi meramalkan pencapaian pelajar di dalam ujian dan peperiksaan.

Objektif projek secara khusus pula adalah seperti yang dinyatakan di bawah ini.

1.2.1 Mendapatkan satu model rangkaian neural untuk meramalkan pencapaian pelajar di dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi mata pelajaran Matematik Tambahan dengan menggunakan kaedah rambatan balik sebagai algoritma pembelajaran.

1.2.2 Menggunakan dapatan model rangkaian neural berkenaan untuk membuat pengujian dan generalisasi.

1.2.3 Membina satu sistem dengan menjadikan model rangkaian neural berkenaan sebagai satu alatan (*tool*) alternatif bagi meramalkan pencapaian pelajar di dalam ujian dan peperiksaan.

### **1.3 Kepentingan Kajian**

Antara kepentingan yang dapat dikenalpasti adalah seperti yang berikut:

1.3.1 Model rangkaian neural ini boleh membantu para guru dalam menentukan prestasi pelajar mereka. Hasil keputusan daripada model ini membolehkan guru membuat persediaan mengenai tindakan yang boleh diambil bagi memastikan pelajar mereka mencapai keputusan yang diharapkan. Misalannya, program pemulihan boleh diberi kepada pelajar sekiranya model rangkaian neural meramalkan bahawa pelajar tidak mencapai gred sasaran yang telah ditentukan.

1.3.2 Keputusan yang diberikan oleh model rangkaian neural ini adalah lebih realistik untuk digunakan di dalam suasana kelas yang digariskan di dalam konsep sekolah bestari. Konsep sekolah bestari menekankan pembelajaran mengikut kadar kemampuan pelajar dengan pelajar-pelajar di dalam sebuah kelas yang sama akan belajar mengikut kelompok dengan objektif serta juga bahan pembelajaran adalah berbeza.

Keputusan daripada model rangkaian neural memudahkan guru mengenalpasti kelompok-kelompok pelajar berkenaan.

1.3.3 Model rangkaian neural boleh disepadukan dengan sistem komputer yang lain (Awad, 1996) seperti sistem pakar (*expert system*). Dalam bidang pendidikan salah satu penggunaan sistem pakar ialah *intelligent tutoring system* (ITS). Justeru itu, kajian ini boleh diperluaskan kepada pembentukan ITS, khasnya untuk mata pelajaran Matematik Tambahan.

**BAB 2**  
**RANGKAIAN NEURAL DAN PERMODELAN**  
**RANGKAIAN RAMBATAN BALIK**


Rangkaian neural boleh didefinisikan melalui dua perspektif iaitu rangkaian neural biologi dan rangkaian neural buatan.

**2.1 Rangkaian Neural Biologi**

Rangkaian neural biologi adalah sel sistem saraf yang terletak di bahagian otak manusia dan haiwan. Rangkaian ini terdiri daripada 3 bahagian yang utama iaitu, neuron, akson dan dendrit seperti yang digambarkan dalam Rajah 2.1.

Neuron merupakan satu sel saraf yang terdapat pada manusia. Pada otak manusia terdapat lebih daripada 100 bilion neuron yang berbagai jenis dan saling berhubungkait antara satu sama lain melalui sinaps. Terdapat satu set sinaps yang bermula dari satu neuron dan berhubung dengan neuron yang lain menerusi dendrit, dan setiap neuron mempunyai akson yang berfungsi sebagai medium penyebar maklumat kepada neuron yang lain. Dendrit berfungsi sebagai penerima input daripada isyarat neuron yang lain. Input inilah yang akan dihantar kepada sel neuron yang lain. Ringkasnya, sel neuron berfungsi sebagai akumulator. Maklumat yang dihantar dari satu neuron kepada neuron yang lain

adalah secara denyutan elektrik yang kekuatannya adalah berbeza-beza (Fausett, 1994).




Rajah 2.1: Struktur neuron manusia

## 2.2 Rangkaian Neural Buatan

Rangkaian neural buatan yang menjadi salah satu teknologi dalam kepintaran buatan cuba meniru cara memproses maklumat yang terdapat pada rangkaian neural biologi. Pada rangkaian neural buatan, neuron dikenali sebagai nod atau unit dan berfungsi sebagai unsur pemrosesan. Rangkaian neural buatan mempunyai satu koleksi unsur pemrosesan yang saling berhubungkait. Setiap hubungan mempunyai pemberat tersendiri. Rangkaian neural buatan mempunyai keupayaan untuk menyimpan pengalaman pengetahuan atau pembelajaran dan

menggunakan semula pengetahuan berkenaan. Pembelajaran diperolehi melalui proses latihan pada rangkaian. Pembelajaran pada rangkaian neural buatan dilakukan dengan sentiasa mengemaskini nilai-nilai pemberat. Pemberat akan sentiasa diselaraskan supaya kelakuan input dan output pada rangkaian adalah hampir dengan prasarana yang memberikan nilai input (Haykin, 1999).

Secara umum, setiap nod mempunyai fungsi pengaktifan yang mengira isyarat output apabila ada isyarat input. Sebelum itu nod akan menentukan *synaptic strength* atau pemberat bagi input, menjumlahkan semua input berpemberat di dalam nod itu dan membandingkan jumlah itu dengan satu aras nilai ambang (*threshold*). Aras nilai ambang ini mempunyai satu julat nilai tertentu (selalunya 0-1). Sekiranya jumlah berpemberat itu melebihi julat nilai ambang, nod akan menghantar output kepada nod yang lain. Jika sebaliknya, tiada isyarat yang akan dihantar (Awad, 1996). Rajah 2.2 menggambarkan satu nod tunggal dan proses yang telah diterangkan.



Rajah 2.2: Satu Nod Tunggal

### 2.3 Sejarah Ringkas Rangkaian Neural

Rangkaian neural buatan yang pertama dipercayai dibangunkan oleh Warren McCulloch dan Walter Pitts pada tahun 1943. Mereka mendapati gabungan neuron-neuron dalam sistem neural dapat menambahkan prestasi komputer. Manakala, Donald Hebb telah mereka peraturan pembelajaran yang pertama bagi rangkaian neural buatan (Fausett, 1994).

Sekitar tahun 1950 dan 1960 digelar sebagai Zaman Keemasan Pertama bagi rangkaian neural. Perceptron mula diperkenalkan oleh Rosenblatt di akhir 1950 (Vassilas, 1990). Perceptron merupakan rangkaian satu lapisan yang menggunakan kaedah pengubahsuaian pemberat secara ulangan. Tetapi, kebolehan untuk menyelesaikan permasalahan yang agak kompleks adalah terhad kerana binaan satu lapisannya. Bernard Widrow dan Marcian telah membangunkan peraturan pembelajaran yang mempunyai kaitan rapat dengan peraturan pembelajaran perceptron dan dikenali sebagai *ADALINE*.

Kegagalan perceptron untuk menyelesaikan masalah pemetaan dalam fungsi XOR dan juga kekurangan kaedah umum untuk melatih rangkaian multi lapisan menurunkan minat pengkaji rangkaian neural pada sekitaran tahun 1970. Namun, beberapa penyelidik masih meneruskan kajian dan menemukan beberapa model rangkaian neural berserta algoritma untuk dilaksanakan.


Penyelidik-penyelidik berkenaan ialah Teuvo Kohonen, James Anderson, Stephen Grossberg dan Gail Carpenter (Fausett, 1994).

Usaha dan sokongan terhadap penyelidikan dalam bidang rangkaian neural dipertingkatkan semula apabila John Hopfield memperkenalkan model rangkaian neural untuk melatih perceptron multi aras. Model rambatan balik (*backpropagation, BP*) juga berperanan dalam meniupkan semangat baru ini dan model ini telah ditemui secara berasingan oleh David Parker dalam tahun 1985 dan Le Cun pada tahun 1986. Begitu juga dengan *neocognitron* yang diperkenalkan oleh Kunihiko Fukushima (Fausett, 1994).

#### **2.4 Rangkaian Neural Rambatan Balik dan Algoritmanya**

Rangkaian neural rambatan balik (*backpropagation, BP*) dikenali juga sebagai perceptron multi lapisan. Rangkaian neural *BP* adalah sejenis rangkaian suap ke depan dengan satu lapisan input, satu atau lebih lapisan terselidungnya dan satu lapisan output. Algoritma pembelajarannya adalah diselia dengan menggunakan *generalized delta rule* untuk melatih rangkaian. *Generalized delta rule* ini menggunakan kaedah kecerunan tercuram bagi meminimakan jumlah kuasadua ralat pada output.

Umumnya, algoritma *BP* terdiri daripada 3 peringkat, iaitu suap ke hadapan, perambatan balik ralat dan pengubahsuaian pemberat. Bagi memudahkan penerangan, sila rujuk Rajah 2.3 dan penerangan selepasnya.



Rajah 2.3: Struktur Rangkaian *BP*

#### 2.4.1 Suap ke Hadapan

Isyarat digital yang telah diproses diberikan satu demi satu kepada rangkaian untuk dilatih. Semasa suap ke hadapan setiap unit input ( $X_i$ ) menerima isyarat input dan menghantar isyarat ini kepada setiap neuron tersembunyi  $Z_1, \dots, Z_p$ . Unit-unit tersembunyi akan menjumlahkan semua isyarat yang diterima dan kemudian mengira aktivasi. Nilai yang telah dikira aktivasinya menjadi isyarat ( $z_j$ ) dan dihantar kepada setiap unit output. Setiap unit pada lapisan output ( $Y_k$ ) melaksanakan proses yang sama, iaitu menjumlah semua isyarat yang diterima dan kemudian

mengira nilai aktivasi ( $y_k$ ). Nilai aktivasi ini adalah isyarat yang dihasilkan pada output.

#### 2.4.2 Perambatan Balik Ralat

Isyarat pada setiap unit di lapisan output, iaitu nilai aktivasi bagi unit-unit lapisan output dibandingkan pula dengan nilai sasaran,  $t_k$  yang telah ditetapkan. Ralat dikira iaitu mendapatkan perbezaan di antara  $y_k$  dan  $t_k$ . Ralat ini menggunakan faktor  $\Delta_k$  ( $k = 1, \dots, m$ ) untuk menyebarkan ralat dari unit output  $Y_k$  kepada semua unit di lapisan sebelumnya (iaitu unit tersembunyi yang dihubungkan pada  $Y_k$ ). Ia juga digunakan untuk mengubahsuai pemberat yang dihubungkan antara unit output dan unit tersembunyi. Dengan menggunakan cara yang sama, faktor  $\Delta_j$  ( $j = 1, \dots, p$ ) dikira, tetapi nilai  $\Delta_j$  ini tidak dihantar ke lapisan input. Ia digunakan untuk mengubahsuai pemberat-pemberat antara unit tersembunyi dengan unit input.

#### 2.4.3 Pengubahsuaian Pemberat

Pengubahsuaian pemberat dilaksanakan setelah faktor  $\Delta$  dikira. Pengubahsuaian pemberat  $w_{jk}$  (iaitu daripada unit  $Z_j$  ke unit output  $Y_k$ ) bergantung pada faktor  $\Delta_k$  dan aktivasi  $z_j$  yang dihasilkan oleh unit tersembunyi unit  $Z_j$ . Pengubahsuaian pemberat  $v_{ij}$  (daripada unit  $X_i$

kepada unit  $Z_j$ ) pula adalah berasaskan kepada faktor  $\Delta_j$  dan nilai aktivasi unit input  $X_i$ . Proses ini akan berterusan sehinggalah rangkaian memperoleh satu nilai ralat minima bagi kesemua corak-corak yang dikemukakan kepada rangkaian.

Berikut adalah algoritma *BP* secara terperinci.

Langkah 1. Isytiharkan secara rawak pemberat-pemberat  $v_{ij}$  dan  $w_{jk}$ .

Langkah 2. Selagi syarat berhenti palsu, laksanakan langkah 3 – 10.

Langkah 3. Untuk setiap pasangan latihan, laksanakan langkah 4 – 9.

Fasa suapan ke hadapan

Langkah 4. Untuk setiap unit input ( $X_i, I = 1, \dots, n$ ) terima isyarat  $x_i$  dan menghantar isyarat ini kepada semua unit terlindung.

Langkah 5. Setiap unit terlindung ( $Z_j, j = 1, \dots, p$ ) mengira jumlah pemberat darab dengan isyarat input.

$$z\_in_j = \sum_{i=1}^n x_i v_{ij} \quad (1.0)$$

Kemudian fungsi pengaktifan akan dikira untuk mengira isyarat output. Fungsi pengaktifan dikira dengan menggunakan fungsi sigmoid dedua seperti persamaan berikut.

$$z_j = f(z\_in_j) \text{ dengan } f(x) = \frac{1}{1 + \exp(-x)} \quad (1.1)$$

Isyarat output ini akan dihantar kepada semua lapisan di atasnya iaitu unit output.

Langkah 6. Setiap unit output ( $Y_k$ ,  $k = 1, \dots, m$ ) mengira jumlah pemberat darab dengan isyarat input dari unit tersembunyi.

$$y\_in_k = \sum_{j=1}^p z_j w_{jk} \quad (1.2)$$

dan menggunakan fungsi pengaktifan untuk mengira isyarat output.

$$y_k = f(y\_in_k) \text{ dengan } f(x) = \frac{1}{1 + \exp(-x)} \quad (1.3)$$

### Fasa Perambatan Balik

Langkah 7. Setiap unit output ( $Y_k$ ,  $k = 1, \dots, m$ ) menerima sasaran corak berpandukan kepada input latihan dan mengira ralatnya,

$$\delta_k = (t_k - y_k) f'(y\_in_k) \quad (1.4)$$

Perubahan pemberat juga dikira.

$$\Delta w_{jk} = \alpha \delta_k z_j \quad (1.5)$$

dengan  $\alpha$  ialah kadar pembelajaran.

Langkah 8. Setiap unit terlindung ( $Z_j$ ,  $j = 1, \dots, p$ ) menjumlahkan input delta daripada unit sebelumnya (unit di lapisan output).

$$\delta_{in_j} = \sum_{k=1}^m \delta_k w_{jk} \quad (1.6)$$

Perjumlahan input delta ini didarabkan pula dengan terbitan fungsi pengaktifan untuk mengira ralat

$$\delta_j = \delta_{in_j} f'(z_{in_j}) \quad (1.7)$$

Perubahan pemberat juga dikira (digunakan untuk mengubahsuai  $v_{ij}$  kemudian)

$$\Delta v_{ij} = \alpha \delta_j x_i \quad (1.8)$$

#### Fasa Pengubahsuaian Pemberat

Langkah 9. Setiap unit output ( $Y_k, k = 1, \dots, m$ ) mengubahsuai nilai pemberatnya ( $j = 1, \dots, p$ ),

$$w_{jk}(\text{baru}) = w_{jk}(\text{lama}) + \Delta w_{jk} \quad (1.9)$$

Setiap unit tersembunyi ( $Z_j, j = 1, \dots, p$ ) mengubahsuai pemberatnya ( $i = 1, \dots, n$ ),

$$v_{ij}(\text{baru}) = v_{ij}(\text{lama}) + \Delta v_{ij} \quad (1.10)$$

Langkah 10. Uji syarat berhenti.

## **BAB 3**

### **TINJAUAN KARYA**

Bab ini membincangkan kepentingan pengukuran pencapaian dalam pendidikan. Beberapa alat pengukuran pencapaian yang lazim digunakan kini turut dibentangkan. Sebagai pelengkap kepada kaedah pengukuran terkini, bab ini juga membincangkan pendekatan teknologi maklumat dalam mengukur pencapaian, khasnya pendekatan kepintaran buatan. Bagi memudahkan penerangan, beberapa definisi utama dijelaskan terlebih dahulu.

#### **3.1 Pengukuran**

Ward (1999) mendefinisikan pengukuran sebagai proses untuk menentukan amaun, takat atau kategori-kategori lain bagi sesuatu pembolehubah. Ini melibatkan cara perwakilan yang bermakna secara nombor atau simbol yang telah diperakukan mengikut peraturan-peraturan tertentu. Proses pengukuran melibatkan sama ada pengkelasan individu atau objek berdasarkan kriteria-kriteria tertentu seperti jantina atau kelas sosial; atau mungkin melibatkan perbandingan dan penyusunan semula individu atau objek yang menjadi bahan ukur itu.

## 3.2 Pencapaian

Mengikut Raha (1991), pencapaian secara umumnya bermaksud kejayaan atau kegagalan pelajar bagi satu-satu ujian, peperiksaan dalaman sekolah atau peperiksaan piawai yang direkabentuk, ditadbir, diberi markah dan diinterpretasikan oleh pakar-pakar dalam bidang tersebut. Biasanya, pencapaian ini dinyatakan dalam bentuk skor mentah, gred dan pangkat untuk satu-satu subjek atau keseluruhan kursus.

Wallman (1973) mentakrifkan pencapaian akademik pelajar sebagai skor-skor atau gred-gred yang dicapai oleh pelajar melalui peperiksaan atau ujian piawai. Sepian (1981) pula mendefinisikan pencapaian akademik sebagai pencapaian pelajar-pelajar mengikut kurikulum yang diajar dan ditentukan oleh ujian-ujian seperti ujian bulanan, ujian penggal dan peperiksaan akhir tahun bagi tiap-tiap tahun persekolahan. Ward (1999) menjelaskan bahawa pencapaian keseluruhan bagi seseorang pelajar hanya boleh diukur berdasarkan prestasi dalam ujian-ujian/peperiksaan-periksaan atau aktiviti-aktiviti lain yang telah disimpulkan sebagai faktor penyumbang kepada pencapaian itu.

Bagi maksud kajian ini, pencapaian ialah markah-markah Matematik dan Matematik Tambahan yang diperolehi pelajar di dalam ujian atau peperiksaan dalaman sekolah seperti ujian bulanan, peperiksaan penggal,

peperiksaan akhir tahun dan peperiksaan percubaan SPM sepanjang mereka belajar di tingkatan empat dan tingkatan lima serta gred bagi Matematik Tambahan yang dicapai di dalam peperiksaan SPM yang sebenar.

### 3.3 Tujuan Pengukuran Pencapaian dalam Pendidikan

Jadual 3.1 meringkaskan tujuan pengukuran pencapaian oleh Ward (1999).

Jadual 3.1: Tujuan dan kegunaan-kegunaan pengukuran pencapaian dalam pendidikan	
Tujuan	Kegunaan-kegunaan
Penempatan atau Pemilihan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rujukan untuk pendidikan khas, pemulihan atau pengayaan</li> <li>• Penempatan berdasarkan aras gred</li> <li>• Penempatan dalam kumpulan pengajaran</li> <li>• Kemasukan ke institusi pengajian atau program pengajian</li> </ul>
Pengesanan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemilihan bahan-bahan pengajaran</li> <li>• Penentuan bagi memulakan urutan pengajaran</li> </ul>
Penilaian Pengajaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penilaian kemahiran pengajaran oleh guru</li> <li>• Penilaian kualiti bahan pengajaran</li> </ul>
Persijilan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penganugerahan sijil</li> </ul>
Akauntabiliti	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menilai pencapaian matlamat pendidikan sama ada di peringkat daerah, negeri atau kebangsaan</li> </ul>

### **3.4 Perbandingan Kaedah Statistik dengan Rangkaian Neural dalam Pengukuran Pendidikan**

Mengikut Mohd. Majid (1990), penggunaan kaedah statistik adalah merujuk kepada pembentangan atau penggambaran data mentah, penganalisan data untuk mengkaji kaitan-kaitan yang wujud dan penyelidikan makna yang terkandung di dalam kumpulan data. Ringkasnya, penggunaan kaedah statistik melibatkan proses pengukuran dan pengumpulan data, mengolah dan memanipulasi data, membuat keputusan daripada maklumat dan menyebarkan maklumat yang diperolehi itu dalam bentuk yang boleh difahami orang lain agar maklumat itu boleh diguna pakai atau diuji semula oleh orang lain.

Secara umumnya, statistik deskriptif dan statistik inferensi adalah dua kaedah statistik yang sering digunakan dalam penyelidikan pendidikan. Statistik deskriptif ialah statistik yang digunakan untuk memerihalkan sesuatu peristiwa seperti menyajikan data mengenai prestasi kelulusan pelajar dalam peperiksaan SPM. Statistik deskriptif juga didefinisikan sebagai sekumpulan teknik untuk menerangkan data atau maklumat dengan cara meringkaskan beberapa set data atau maklumat (Mohd. Majid, 1990).

Beberapa teknik statistik deskriptif yang sering digunakan ialah min, median dan mod. Ketiga-tiga jenis purata ini disebut sebagai sukatan kecenderungan memusat. Serakan pengukuran terhadap pembolehubah sering juga digunakan. Serakan markat pengukuran perlu dianalisis untuk memberikan wawasan yang tepat mengenai sesuatu fenomena yang dikaji. Indikator yang sering digunakan dalam serakan pengukuran ialah sisihan piawai, penyuku dan julat.

Statistik inferensi digunakan apabila kajian yang dibuat melibatkan sampel data. Maklumat yang diperolehi daripada sampel perlu diinferenskan atau dirumuskan kepada populasi yang dikaji. Ini perlu dilakukan dengan cara yang sistematik dan saintifik. Maklumat yang tepat hasil daripada inferen yang dibuat adalah penting kerana ini membantu dalam membuat keputusan.

Beberapa alat pengukuran yang digunakan dalam statistik inferensi ialah ujian korelasi Pearson, analisis regresi, ujian-t dan ujian analisis varians (ANOVA). Ujian korelasi Pearson digunakan untuk melihat sama ada wujud hubungan yang signifikan antara pembolehubah tak bersandar dengan pembolehubah bersandar. Analisis regresi digunakan untuk menentukan faktor atau pembolehubah yang boleh menjadi peramal yang baik. Analisis regresi juga digunakan untuk mendapatkan model statistik yang menghubungkan beberapa pembolehubah. Penggunaan ujian-t

adalah untuk menentukan sama ada wujud perbezaan atau tidak bagi dua set data yang dikaji; sementara ANOVA pula digunakan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan atau tidak bagi beberapa kumpulan data dengan latar belakang yang berbeza.

Hardgrave et. al. (1994) pernah membuat kajian bagi meramalkan kejayaan pelajar Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) selepas mengikuti pengajian itu. Kajian ini menggunakan beberapa kaedah statistik dan dapatannya dibandingkan pula dengan kaedah rangkaian neural. Kaedah-kaedah statistik yang terlibat ialah analisis regresi kuasa dua terkecil, analisis regresi berperingkat, analisis diskriminan dan regresi logistik.

Analisis regresi kuasa dua terkecil digunakan kerana kaedah ini sesuai bagi menentukan peramal yang tepat bagi beberapa pemboleh ubah tak bersandar dari pemboleh ubah bersandar. Pendekatan ini hanya boleh digunakan dengan anggapan bahawa data-data di dalam sampel tertabur secara normal. Analisis regresi berperingkat digunakan kerana kemampuan pendekatan ini dalam menentukan peramal yang tepat apabila terdapat beberapa pemboleh ubah yang berkeupayaan menjadi peramal, tetapi tidak menjadi satu kepastian. Analisis diskriminan digunakan bagi menganalisa kewujudan perbezaan antara kumpulan-kumpulan sampel. Kaedah ini turut dipilih kerana ia adalah teknik

mengkategori dan mampu mengelompokkan item sampel yang mempunyai sifat yang sama. Teknik ini mempunyai kelebihan jika dibandingkan analisis regresi. Regresi logistik digunakan untuk mengelompokkan data kepada kumpulan-kumpulan berdasarkan sifat-sifat data itu. Perbezaan antara analisis diskriminan dengan regresi logistik ialah analisis diskriminan memerlukan set data yang tertabur secara normal, manakala regresi logistik tidak menghadkan kepada syarat ini.

Bagi pendekatan rangkaian neural, kajian ini menggunakan struktur rangkaian multi lapisan dengan satu lapisan tersembunyi dan rambatan balik sebagai algoritma pembelajarannya. Lapisan input mengandungi 8 nod, 10 nod pada lapisan tersembunyi dan satu nod pada lapisan output. Semua pendekatan itu melibatkan dua set data iaitu set yang terdiri daripada 156 pelajar pengambilan 1986-1987 yang digunakan sebagai set latihan dan set 141 pelajar pengambilan 1989-1990 yang digunakan sebagai set pengujian.

Hasil daripada kajian, peratus ketepatan ramalan bagi setiap kaedah yang digunakan adalah seperti dalam Jadual 3.2.

Jadual 3.2: Peratus Ketepatan Ramalan antara Kaedah Statistik dengan Rangkaian Neural	
Model	% Ketepatan Ramalan
Analisis Regresi Kuasa Dua Terkecil	52%
Analisis Regresi Berperingkat	55%
Analisis Diskriminan	53%
Regresi Logistik	50%
Rangkaian Neural	55%

Pendekatan rangkaian neural didapati mampu memberikan ramalan yang baik dan setanding dengan kaedah statistik. Model rangkaian neural lebih berpotensi jika dibandingkan dengan model berdasarkan kaedah-kaedah statistik kerana pendekatan rangkaian yang tidak terikat dengan banyak kekangan tertentu.

## **BAB 4**

### **METODOLOGI**

Bab ini membincangkan secara terperinci metodologi pelaksanaan projek, khasnya dari aspek praktikal. Pada asasnya, lima fasa berikut dilaksanakan dalam projek ini.

- i. Merekabentuk senibina rangkaian
- ii. Pra pemprosesan data
- iii. Melatih, mengesah dan menguji rangkaian
- iv. Membangunkan sistem ramalan
- v. Membandingkan keputusan dengan pendekatan regresi

#### **4.1 Merekabentuk Senibina Rangkaian**

Senibina rangkaian melibatkan pertimbangan dalam memilih topologi rangkaian, penentuan pembolehubah untuk input serta output dan pemilihan bilangan lapisan tersembunyi serta bilangan nod dalam setiap lapisan tersembunyi itu. Langkah-langkah berkenaan dilaksanakan bagi memastikan model yang diperolehi adalah tepat dengan tidak memberikan keputusan yang ganjil apabila diaplikasikan dalam situasi masalah sebenar.

#### 4.1.1 Pemilihan Topologi Rangkaian

Langkah awal sebelum proses pemilihan topologi rangkaian ialah memahami dengan jelas domain masalah yang hendak diselesaikan dengan permodelan rangkaian neural. Oleh kerana matlamat utama penggunaan model rangkaian neural yang ditemui ialah meramalkan pencapaian gred pelajar dalam SPM, ini akan melibatkan data-data yang lalu sebagai pola input rangkaian dan output daripada rangkaian perlu dibandingkan dengan sasaran output yang sedia ada yang perlu juga dipersembahkan kepada rangkaian. Berdasarkan kriteria berkenaan, maka rangkaian pemetaan yang akan melatih data-data secara *offline* menjadi pertimbangan. Rangkaian rambatan balik (*BP*) dan *Counter Propagation (CPN)* adalah antara rangkaian yang memenuhi kriteria ini. Walau bagaimanapun, *CPN* lebih bersifat pengesanan, iaitu mengecam corak input yang dipersembahkan kepada rangkaian (Skapula, 1996). Walhal, masalah yang ingin diselesaikan memerlukan rangkaian yang dapat mengingati pola input. Maka, rangkaian *BP* adalah aplikasi yang sesuai.

#### **4.1.2 Penentuan Pembolehubah untuk Input dan Output**

Senibina rangkaian melibatkan juga bilangan nod pada lapisan input dan lapisan output. Ini akan bergantung kepada pembolehubah-pembolehubah yang terlibat pada lapisan input dan lapisan output. Pemilihan pembolehubah-pembolehubah yang tepat juga berperanan dalam memastikan ramalan yang lebih jitu. Projek ini hanya melibatkan satu nod pada lapisan output kerana rangkaian meramalkan pencapaian gred bagi satu mata pelajaran sahaja, iaitu Matematik Tambahan.

Pada lapisan input, banyak pembolehubah boleh digunakan. Memandangkan rangkaian memerlukan gred pencapaian sebenar pelajar dalam SPM bagi Matematik Tambahan sebagai nilai sasaran yang perlu dipersembahkan untuk dibandingkan dengan output yang diramalkan oleh rangkaian, maka data-data yang perlu dikumpul melibatkan rekod-rekod yang tersimpan di sekolah sahaja. Tambahan pula, pemberian gred adalah berbeza mengikut tahun kerana ini berdasarkan taburan markah bagi sesuatu tahun itu. Lantaran itu, projek ini melibatkan data-data bagi pelajar-pelajar yang menduduki SPM pada satu tahun tertentu sahaja dan tahun 1998 telah dipilih.

Maklumat-maklumat seperti nama pelajar, jantina pelajar, bangsa pelajar, nama sekolah, markah pencapaian pelajar semasa di tingkatan 4 dan 5 dalam peperiksaan dalam sekolah dan gred pencapaian mereka bagi setiap mata pelajaran dalam SPM adalah maklumat awal yang dapat dikenalpasti daripada rekod-rekod pelajar yang didapati dari sekolah-sekolah. Memandangkan maklumat-maklumat itu perlu diwakil dan diskala dalam satu julat tertentu, maka maklumat-maklumat tadi dikategorikan mengikut pembolehubah-pembolehubah berikut: jantina, bangsa, jenis sekolah, markah pencapaian dalam peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun semasa di tingkatan 4 dan 5 bagi mata pelajaran Matematik dan Matematik Tambahan. Pencapaian dalam Matematik turut dipilih sebagai pembolehubah pada input kerana subjek ini berkait rapat dengan pencapaian dalam Matematik Tambahan.

Amat sukar menentukan pembolehubah pada lapisan input yang boleh menjadi peramal yang baik. Penyelidikan-penyelidikan yang lalu telah mendapati korelasi bagi faktor-faktor yang telah dikenalpasti seperti di atas adalah signifikan mengikut keadaan seperti tempat dan masa. Projek ini turut melibatkan pendekatan statistik dengan menggunakan kaedah pemilihan dari hadapan, iaitu satu teknik analisis regresi bagi mengenalpasti peramal yang

baik apabila membina model regresi berganda. Perisian *Statistical Package for Social Sciences Version 10.0 (SPSS 10.0)* digunakan untuk tujuan ini. (Sila Rujuk keputusan pada **Lampiran B**)


Hasil daripada kaedah pemilihan dari hadapan, tujuh pemboleh berikut digunakan pada lapisan input: jantina pelajar, bangsa pelajar, jenis sekolah, markah Matematik dan Matematik Tambahan dalam ujian pertengahan tahun tingkatan 5, markah Matematik dan Matematik Tambahan dalam peperiksaan percubaan SPM.

#### **4.1.3 Pemilihan Bilangan Lapisan Tersembunyi dan Bilangan Nodnya**

Rangkaian dengan satu lapisan tersembunyi adalah sudah memadai dan cukup praktikal (Gallant, 1993). Sekiranya lebih daripada satu lapisan tersembunyi dipakai adalah amat sukar menentukan kombinasi bilangan nod pada setiap lapisan tersembunyi itu. Tambahan pula, rangkaian dengan lebih daripada satu lapisan tersembunyi mengakibatkan proses latihan yang lambat. Maka, projek ini hanya melibatkan satu lapisan tersembunyi.

Tidak terdapat peraturan yang tetap dalam menentukan bilangan nod pada lapisan tersembunyi. Terdapat kaedah yang pernah digunakan untuk mendapatkan bilangan nod pada lapisan tersembunyi ini, iaitu bilangan itu boleh diambil di antara 50% - 75% daripada jumlah nod pada lapisan input dan lapisan output. Berdasarkan ketetapan yang telah diputuskan untuk bilangan nod pada lapisan input dan output seperti yang dinyatakan di atas, iaitu jumlah sebanyak lapan nod, maka rangkaian dengan enam nod tersembunyi dipilih bagi mendapatkan model rangkaian neural.

Rajah 4.1 menunjukkan struktur rangkaian neural yang lengkap bagi tujuan projek ini dan Jadual 4.1 memberikan pembolehubah yang diwakili nod yang dilabelkan pada rajah itu.



Rajah 4.1: Struktur Rangkaian Neural untuk Aplikasi Projek

Jadual 4.1: Pembolehubah yang Diwakili Nod yang Berlabel

Label Nod	Pembolehubah
$I_1$	Jantina
$I_2$	Bangsa
$I_3$	Jenis Sekolah
$I_4$	Markah Matematik Pertengahan Tahun T5
$I_5$	Markah Matematik Percubaan SPM
$I_6$	Markah Matematik Tambahan Pertengahan Tahun T5
$I_7$	Markah Matematik Tambahan Percubaan SPM
$O_1$	Gred Pencapaian SPM Matematik Tambahan

## 4.2 Pra Pemprosesan Data

Data-data yang telah dikutip perlu dilakukan pra pemprosesan terlebih dahulu. Ini melibatkan penjanaan medan data yang baru sekiranya dianggap boleh meningkatkan prestasi rangkaian (Bigus, 1996). Bagi projek ini, sekolah-sekolah yang terlibat didapati perlu dikategorikan kepada sama ada sekolah harian, teknik atau berasrama penuh (SBP). Alasannya ialah kemasukan pelajar-pelajar ke sekolah teknik dan SBP dipilih oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia berdasarkan prestasi akademik mereka yang kebanyakannya adalah baik. SBP selalunya mencapai prestasi yang cemerlang dalam SPM setiap tahun. Faktor-faktor berkenaan boleh mempengaruhi prestasi rangkaian.

Pra pemprosesan melibatkan juga penyingkiran rekod-rekod yang tidak lengkap yang dianggap boleh menjejaskan prestasi rangkaian. Jadual 4.2 memberikan analisis maklumat bagi data-data selepas disingkirkan data-data yang tidak perlu. Semua data berkenaan adalah bagi kumpulan pelajar yang menduduki peperiksaan SPM pada tahun 1998. Sila rujuk **Lampiran C** untuk senarai sekolah yang terlibat dan ringkasan yang digunakan dalam jadual.

